

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 02 Jun 2021 20:41
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Lonjak Kedudukan Dalam Times Higher Education Asia University Rankings 2021



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

2 JUN 2021 / 21 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

UUM LONJAK KEDUDUKAN DALAM TIMES HIGHER EDUCATION ASIA UNIVERSITY RANKINGS 2021



UUM ONLINE: Tahun demi tahun Universiti Utara Malaysia (UUM) terus mempamerkan kecemerlangan apabila disenaraikan di kedudukan ke-155 dalam Times Higher Education (THE) Asia University Rankings 2021 berbanding tahun sebelum ini di kelompok 251-300, sekali gus berada dalam Top 160 Asia.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau berterima kasih kepada seluruh warga universiti yang bertungkus-lumus untuk memastikan kejayaan ini meskipun seluruh dunia kini sedang bergelut dengan pandemik Covid-19. Pencapaian terkini dalam ranking universiti dunia adalah bukti kerja keras dan ketekunan semua.

Menurutnya, lonjakan dua kelompok dalam ranking ini adalah sesuatu yang membanggakan dan ia merupakan antara tonggak penting untuk melayakkan UUM menjadi universiti bertaraf dunia, bukan sahaja dikenali di peringkat Asia, sekali gus membuktikan jenama UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka telah mendapat perhatian dunia dalam kalangan para ahli akademik dan pihak industri.

Katanya, segala usaha selama 3 tahun sejak 2019 itu juga telah membuahkan hasil melalui langkah-langkah yang diambil seperti meningkat kualiti kerja, agenda korporat, hubungan dengan industri, kempen penjenamaan serta memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan staf dan pelajar.

"Selain itu, dengan kedudukan ini juga pada masa sama turut menyumbang kepada pilihan pelajar untuk menyambung pengajian di UUM apabila kita berada di landasan yang tepat dengan mempamerkan kualiti program ditawarkan.

"Di samping itu, pelajar dan masyarakat luar juga dapat menilai kualiti UUM yang merangkumi kebolehpasaran graduan, fasiliti yang disediakan dan penglibatan UUM dengan masyarakat yang bukan semata-mata memfokuskan kepada bidang akademik sahaja," katanya.

Beliau berkata, UUM akan terus menggembelng tenaga dan kepakaran untuk meningkatkan lagi kualiti akademik dan kesarjanaan agar universiti terus aktif sebagai pemain utama (key player) dalam institusi pengajian tinggi global seiring dengan tagline *'We Are Global'*.

THE Asia University Rankings menggunakan 13 petunjuk prestasi yang sama seperti THE World University Rankings namun ia disesuaikan semula untuk mencerminkan sifat-sifat institusi Asia bagi memberikan perbandingan yang paling komprehensif dan seimbang, dipercayai oleh pelajar, ahli akademik, pemimpin universiti, industri dan kerajaan.

Petunjuk prestasi ini dikelompokkan kepada lima bidang iaitu pengajaran (persekitaran pembelajaran); penyelidikan (jumlah, pendapatan dan reputasi); sitasi (pengaruh penyelidikan); pandangan antarabangsa (staf, pelajar dan penyelidikan); dan pendapatan industri (pemindahan pengetahuan).

THE Asia University Rankings tahun ini menyenaraikan 551 universiti dari 30 negara Asia.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.